

**NO. SOALAN: 191**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL**

**RUJUKAN : 9740**

**SOALAN:**

**Datuk Juslie Bin Ajirol [ Libaran ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes pecah rumah mengikut negeri pada tahun 2013, 2014, 2015, 2016 dan tiga bulan pertama 2017 serta jumlah tangkapan kes pecah rumah bagi tempoh sama.

## JAWAPAN:

Statistik kes pecah rumah di seluruh negara bagi tahun 2013 sehingga Januari 2017 adalah seperti berikut:

NEGERI	TAHUN 2013	TAHUN 2014	TAHUN 2015	TAHUN 2016	JANUARI 2017
JOHOR	1,798	1,603	1,440	1,475	95
KEDAH	1,499	1,305	1,499	1,287	112
KELANTAN	936	1,101	893	682	66
KUALA LUMPUR	2,506	2,118	1,907	1,867	146
MELAKA	684	543	445	544	48
NEGERI SEMBILAN	1,398	1,289	998	1,023	105
PAHANG	873	796	795	719	102
PERAK	1,176	1,201	1,134	915	85
PERLIS	111	123	102	85	4
PULAU PINANG	994	1,126	1,150	917	65
SABAH	1,665	1,377	1,544	1,757	172
SARAWAK	1,597	1,402	1,273	1,540	110
SELANGOR	7,742	6,184	5,805	5,497	377
TERENGGANU	338	419	301	452	55
JUMLAH	23,317	20,587	19,286	18,760	1,542

Kementerian melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil langkah-langkah bagi memastikan keselamatan penduduk dan rumah yang ditinggalkan seperti berikut:-

- i) konsep *Omnipresence* melibatkan keberadaan anggota beruniform daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) , Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Pasukan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menjalankan tugas rondaan sama ada rondaan berkereta, bermotosikal atau berjalan kaki. Kehadiran mereka semasa membuat rondaan adalah untuk memberi keyakinan kepada masyarakat bahawa

mereka berada dalam persekitaran yang selamat dan juga untuk mewujudkan perasaan *Fear of Being Caught* kepada penjenayah.

- ii) PDRM turut melaksanakan *Community Policing* bertujuan untuk melibatkan masyarakat dalam aktiviti menangani jenayah bagi memberi kesedaran kepada masyarakat bahawa membanteras jenayah merupakan tanggungjawab bersama. Inisiatif ini melibatkan masyarakat awam dalam program-program seperti Rakan Cop, Rukun Tetangga, dan Skim Rondaan Sukarela (SRS) di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN).
- iii) Program Bandar Selamat merupakan program yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk mengurangkan kadar jenayah dengan mengambil inisiatif seperti berikut:
  - a) pemasangan CCTV di tempat-tempat strategik yang dikenal pasti kerap berlaku jenayah dan tempat tumpuan ramai;
  - b) pengasingan laluan pejalan kaki dan laluan bermotor bagi mengelak kejadian ragut dan samun; dan
  - c) mencerahkan kawasan yang kerap berlaku jenayah.